



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENASIHAT PERPADUAN NEGARA 2025-2027

KUALA LUMPUR, 2 Disember 2025 – YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) 2025-2027** hari ini. Mesyuarat turut dihadiri oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara.

MPPN ditubuhkan bertujuan untuk menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan serta membincangkan isu-isu perpaduan, usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut dan mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.

Seramai 12 orang ahli baharu yang terdiri daripada tokoh masyarakat, ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik, ahli seni budaya, tokoh korporat dan wakil dari wilayah Sabah dan Sarawak telah dilantik bagi tempoh 2025-2027. Senarai ahli-ahli tersebut adalah seperti berikut :

- i. **YBhg. Datuk Dr. Johan Arriffin bin Abd Samad (Joe Samad)**
Pengerusi Lembaga
Sabah Action Body Advocating Rights (SABAR)
- ii. **YBhg. Datuk Dr. Ramzah Dambul**
Ketua Pegawai Eksekutif
Institute for Development Studies (IDS) Sabah
- iii. **YBhg. Prof. Datuk Dr. Awang Azman Awang Pawi**
Pengarah
Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya (UM)

- iv. **YBhg. Prof. Datu Dr. Neilson Ilan Anak Mersat**
Pengerusi Kebudayaan
Dayak Cultural Foundation
- v. **YBrs. Puan Hajah Ainon binti Haji Kuntom**
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Women's Institute of Management (WIM)
- vi. **YBhg. Prof. Dr. Mohamad Tajuddin bin Haji Mohamad Rasdi**
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Women's Institute of Management (WIM)
- vii. **YBhg. Prof. Dr. Ruzita binti Mohd. Amin**
Profesor Jabatan Ekonomi
Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- viii. **YBrs. Dr. Sharifah Munirah binti Syed Hussein Alatas**
Timbalan Pengarah / Felo Penyelidik Kanan
Allianz Centre for Governance (ACG)
Universiti Malaya
- ix. **YBrs. Prof. Madya Dr. Charanjit Kaur a/p Darshan Singh**
Pensyarah Kanan
Fakulti Industri Kreatif
Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
- x. **YBrs. Tuan Eddin Khoo**
Pengasas PUSAKA
- xi. **YBrs. Puan Siti Kamariah binti Ahmad Subki**
Pengarah Urusan
Yayasan Hasanah
- xii. **YBrs. Tuan Danesh Basil**
Naib Presiden
Majlis Belia Malaysia (MBM)

Sepanjang tahun 2020 – 2025, sebanyak lapan (8) Mesyuarat MPPN telah dilaksanakan bagi membincangkan pelbagai isu dan inisiatif yang telah pun diangkat sehingga menjadi dasar atau pelan kerajaan seperti Pembangunan Dasar Perpaduan Negara, Pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara Tahun 2021-2030, Pelaksanaan Lafaz Ikrar Rukun Negara Dalam Majlis Rasmi Kerajaan dan Sesi Pembukaan Sidang Parlimen, Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030, Modul Penghayatan Rukun Negara dan Program Gerak Integrasi Perpaduan (GRIP) MADANI, Pelaksanaan Semula Program Latihan Khidmat Negara, Inisiatif Pemerkasaan Mediator Komuniti bagi menambahbaik perkhidmatan mediasi komuniti dan Pelaksanaan Inisiatif Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Sebagai Penggerak Komuniti Progresif.

YB Datuk Aaron Ago Dagang turut berkongsi bahawa KPN telah diberikan mandat untuk menerajui Tonggak D1 iaitu **Pembentukan Negara Bangsa** dalam **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) 2026 – 2030**. Penekanan utama diberikan kepada usaha membina sebuah negara bangsa yang berdaulat, bermaruah dan utuh demi menjamin keharmonian, keamanan serta kestabilan negara. KPN juga sedang dalam usaha merangka **Pelan Tindakan Pembinaan Negara Bangsa** dan akan diikuti dengan penganjuran **Persidangan Pembinaan Negara Bangsa** pada tahun hadapan.

Kementerian Perpaduan Negara

2 Disember 2025

KPN.100-9/1/16 (100)